

11 AUG 1997

Mahathir-Bosnia (Bergambar)

MAHATHIR MINTA PEMIMPIN BOSNIA WUJUDKAN KEYAKINAN PELABUR MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahukan kerajaan Bosnia dan Herzegovina memberi jaminan bahawa usaha-usaha perdagangan dan pelaburan ahli-ahli perniagaan dan pelabur Malaysia di negara itu mendapat perlindungan dan diberi perhatian pihak berkuasa kerajaan.

Beliau meminta kerajaan Bosnia dan Herzegovina mengambil langkah positif bagi memastikan keyakinan dikukuhkan di kalangan ahli-ahli perniagaan Malaysia untuk membolehkan mereka terus melabur dan meningkatkan pelaburan.

Perkara itu dibangkitkan Perdana Menteri dalam perbincangan dua hala selama lebih sejam dengan pengerusi bersama Majlis Menteri-menteri Bosnia dan Herzegovina, Dr Haris Siladjic dan Boro Botic di Jabatan Perdana Menteri.

Perbincangan itu turut dihadiri pegawai-pegawai kedua-dua negara.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi semasa memberi taklimat mengenainya berkata: "Walaupun kita sedar situasi di sana bukanlah situasi yang ideal untuk tujuan ini, adalah penting kerajaan beri perhatian dan juga bantuan serta kerjasama dalam usaha membantu pemulihan Bosnia dan Herzegovina yang hancur akibat perang saudara itu."

Menurut Abdullah, Perdana Menteri juga telah menyatakan kepada kedua-dua pemimpin itu yang tiba semalam untuk lawatan empat hari, bahawa Malaysia mengharapkan segala perkara yang terkandung dalam Perjanjian Damai Dayton dilaksanakan oleh semua pihak di negara itu.

Dr Mahathir memberitahu mereka bahawa adalah penting semua pihak yang bersengketa selama ini mematuhi perjanjian itu untuk membolehkan situasi di Bosnia dan Herzegovina menjadi benar-benar aman damai dan mewujudkan kestabilan politik secara tetap dan berterusan.

"Perdana Menteri menegaskan apabila ini tercapai, maka lebih mudah bagi Bosnia dan Herzegovina mendapat bantuan seperti pelaburan dan kerjasama di bidang ekonomi, hubungan perdagangan dan lain-lain daripada masyarakat antarabangsa termasuk Malaysia," katanya.

Abdullah berkata memanglah harapan Malaysia untuk mengambil bahagian dalam pembangunan semula Bosnia dan Herzegovina tetapi pada waktu ini memang terdapat sedikit masalah kerana pihak swasta Malaysia masih kurang yakin dengan kestabilan di negara itu.

Beliau berkata Dr Mahathir dan kedua-dua pemimpin Bosnia dan Herzegovina itu

- Haris yang mewakili Bosniac dan Botic yang mewakili masyarakat Serb - mengaku bahawa situasi di negara itu di segi ekonomi agak berlainan daripada situasi di Malaysia kerana pengalaman mereka di bidang ekonomi ada hubungan kait dengan sistem negara sosialis.

Oleh itu, kata Abdullah, ketiga-tiga pemimpin bersetuju satu perubahan perlu dilakukan untuk membolehkan hubungan ekonomi antara kedua-dua negara dijalankan secara baik dan sempurna yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Malaysia juga sanggup mengadakan bengkel perbincangan atau mengadakan sesi latihan bagi perancang-perancang ekonomi dari Bosnia dan Herzegovina termasuk dari kalangan swasta, untuk memahami kaedah dan cara perjalanan perancangan ekonomi dalam sistem ekonomi pasaran terbuka.

Abdullah berkata Dr Mahathir memberitahu mereka bahawa Malaysia mempunyai pengalaman membantu Vietnam yang juga kurang pengalaman

disebabkan sistem ekonominya berasaskan kepada sistem sosialis.

Menurut Perdana Menteri, apa yang dilakukan di Vietnam telah memberi manfaat dan kedua-dua pemimpin Bosnia dan Herzegovina itu menyambut baik cadangan Dr Mahathir untuk mengadakan program yang sama bagi Bosnia.

Abdullah berkata dalam perbincangan itu ketiga-tiga pemimpin berpendapat bahawa pengalaman politik dan pembangunan ekonomi Malaysia boleh dimanfaatkan oleh Bosnia dan Herzegovina terutama dari segi mewujudkan kestabilan, muafakat dan kerjasama yang baik untuk semua kaum.

Perdana Menteri juga menyatakan kepada mereka bahawa Malaysia sedia menerima kunjungan kumpulan-kumpulan terdiri daripada pegawai-pegawai parti, kerajaan dan masyarakat negara itu ke Malaysia untuk melihat sendiri situasi di negara ini dan di samping itu mencari kesempatan mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin masyarakat semua kaum dan agama di sini.

"Kita sedia terima kedatangan mereka dan mereka berdua menyambut baik cadangan Dr Mahathir itu," kata Abdullah.

Menurut seorang pegawai Wisma Putra, perdagangan antara Malaysia dan Bosnia dan Herzegovina buat masa ini adalah kecil pada nilai RM4 juta setahun yang memihak kepada Malaysia.

Oleh itu, katanya Unit Perancang Ekonomi telah mengenalpasti bantuan projek bernilai RM12 juta untuk dilaksanakan di sekitar ibunegara Sarajevo yang dijangka siap dalam setahun.

Katanya beberapa projek berhubung kesihatan dan pertanian akan dilancarkan dalam beberapa bulan lagi sebaik kedua-dua kerajaan bersetuju mengenai kesesuaian dan keutamaannya. -- BERNAMA

ZAB RON